

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMT 552 Pengurusan Projek I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. ASEAN mempunyai pasaran yang kecil tetapi kadar perkembangannya adalah yang tertinggi di dunia. Bincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi untuk pengurusan binaan dalam kawasan geografi ini.
(25 markah)
2. Huraikan bagaimana kelewatan dalam pembinaan melembabkan pertumbuhan firma binaan (kontraktor) dan juga kadar pembangunan negara. Bincangkan dan sarankan bagaimana kelewatan tersebut dapat dikurangkan.
(25 markah)
3. Dari pembacaan anda, rumuskan kesesuaian model-model ekonomi dalam membantu mengunjurkan permintaan dan penawaran perumahan.
(25 markah)
4. Permintaan dan penawaran bangunan perindustrian dan komersil bergantung kepada keputusan usahawan (pelabur) untuk melabur. Bagaimanakah permintaan untuk bangunan jenis ini diunjurkan? Bincangkan juga permasalahan yang wujud untuk bangunan perindustrian sahaja.
(25 markah)

...2/-

5. Sesebuah firma binaan menghadapi tahap risiko dan ketidakpastian yang tinggi. Bincangkan dan sarankan bagaimana sesebuah firma binaan yang besar dapat memastikan pertumbuhan yang senada dengan unjuran yang dibuat.

(25 markah)

6. Huraikan dengan ringkas objektif-objektif kerajaan dalam mentadbirkan ekonomi. Bincangkan bagaimana polisi-polisi yang selalu digunakan memberi kesan kepada pertumbuhan industri binaan.

(25 markah)

- ooo00ooo -